

17 SEP 1998

Mahathir-Mudahtunai

MASALAH MUDAHTUNAI M'SIA HAMPIR SELESAI, KATA PM

Oleh: Mikhail Raj

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata masalah mudahtunai negara ini yang sebelum ini dianggap genting kini hampir selesai dan ini akan membantu memudahkan kegiatan pinjam-meminjam.

Kira-kira RM10 bilion dalam bentuk dana telah dimasukkan ke dalam sistem perbankan berikutan pemotongan dua peratus dalam Keperluan Rizab Berkanun (SRR) dan pengurangan dalam nisbah mudahtunai, katanya.

SRR itu telah dikurangkan kepada empat peratus semalam daripada enam peratus sebelum ini.

"Sekarang kita mempunyai banyak wang dalam edaran, masalah mudahtunai kini hampir selesai," katanya pada sidang berita selepas menyaksikan beberapa acara sukan di Stadium Nasional Bukit Jalil di sini.

Dr Mahathir berkata bagi setiap potongan satu peratus dalam SRR, kira-kira RM4 bilion dimasukkan ke dalam sistem perbankan, yang seterusnya membolehkan bank-bank memberi pinjaman untuk merangsangkan kegiatan perniagaan dan pemulihan ekonomi.

"Dan jika bank tidak memberi pinjaman, kita akan memeriksa bank-bank berkenaan," katanya.

Di samping ini, sejak kawalan tukaran asing diumumkan baru-baru ini dengan menjadikan ringgit tidak boleh diniagakan di seberang laut, deposit ringgit yang banyak yang mengambil kesempatan daripada kadar faedah yang tinggi di Singapura, kini kembali mengalir ke Malaysia.

"Kita telah periksa wang yang dibawa pulang dari Singapura dan ia berjumlah RM11 bilion," katanya.

Ditanya mengapa Malaysia tidak melakukan perkara yang sama kepada Singapura sepertimana yang dilakukan kepada Britain apabila firma-firma British dihalang daripada mengemukakan tender bagi kontrak kerajaan kerana meneruskan serangan media terhadap pemimpin-pemimpin Malaysia dan sama ada ini boleh disalah anggap sebagai mengamalkan penilaian berbeza, Dr. Mahathir berkata:

"Sebenarnya, daripada satu segi kita juga berbuat demikian, kita telah menghentikan urusan niaga di CLOB dan saham-saham Malaysia akan hanya diurus niaga di Bursa Saham Kuala Lumpur"

"Mereka telah mengalirkan wang kita, ringgit kita ke Singapura (melalui kadar deposit yang lebih tinggi), sekarang ringgit di Singapura tidak lagi sah diperlakukan, dan ringgit telahpun balik semula."

"Jika ringgit tidak berada di situ, mereka akan kerugian berjuta-juta dolar," tegas Perdana Menteri.

"Sebelum ini kita bertolak ansur tentang perkara ini kerana kita tidak menghadapi masalah ekonomi, tetapi sekarang kita ada masalah ekonomi (dan) mereka terus juga buat begini."

"Kita minta mereka supaya jangan buat begitu tetapi mereka tidak mengendahkan kita... jadi kita bertindak," katanya.

Menyentuh seruan Presiden Bill Clinton baru-baru ini supaya mesyuarat peringkat tertinggi menteri-menteri kewangan dan gabenor-gabenor bank pusat memperkukuhkan sistem kewangan global diadakan dalam tempoh 30 hari, beliau berkata gesaan itu tidak ikhlas kerana mereka lebih mementingkan ekonomi mereka dan bukan masalah di Asia Timur.

"Kalau kita terus bermasalah dan mereka tidak kena, mereka tidak akan adakan apa-apa mesyuarat ... ini adalah untuk kepentingan mereka," kata Dr Mahathir.

"Kita harus berhati-hati," kata beliau.

Ditanya kenapa Asia Timur harus berhati-hati terhadap gesaan Clinton, Perdana Menteri berkata Kumpulan Tujuh negara perindustrian akan "mencipta apa yang dipanggil senibina kewangan yang akan menyelesaikan masalah mereka tetapi bukan masalah kita."

Pada pertengahan 80-an negara-negara G-7 mengambil keputusan untuk menyokong dolar yang dalam proses itu memberi kesan buruk kepada mata wang negara-negara membangun yang terpaksa membayar jumlah yang jauh lebih tinggi bagi import.

"Bagi mereka, apa sahaja yang berlaku kepada kita tidak penting sehinggalah terkena kepada ekonomi mereka sendiri," katanya.

"Hari ini, mereka sudah rasa, tetapi berapa jauhkah usaha mereka, hanyalah setakat cukup untuk menyelesaikan masalah mereka, tetapi bukan masalah kita," kata beliau.

Apabila diminta memberi komen tentang kawalan modal yang disarankan oleh Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Perdagangan dan Pembangunan (Unctad) bagi ekonomi-ekonomi serantau yang terjejas untuk memperkukuhkan mata wang masing-masing dan sama ada itu dibuat sebagai pengiktirafan kepada langkah Malaysia mengenakan kawalan pertukaran mata wang bagi mempertahankan mata wangnya, Perdana Menteri berkata:

"Saya tidak kisah mereka memberi perhatian (kepada saya), saya telah disifatkan sebagai orang gila oleh `London Times', tapi apa yang penting ialah mereka berbuat sesuatu yang akan mengubah ekonomi dunia untuk pulih."

"Dan ekonomi dunia tidak boleh pulih tanpa pemulihan negara-negara di Asia Timur," kata Dr Mahathir.

Apabila ditanya sama ada Malaysia harus menghantar mesej yang jelas bahawa ia menggalakkan pelaburan langsung asing (FDI) di Malaysia, beliau berkata "kita masih mahukan FDI."

"Tetapi jangan kata tanpa FDI kita tidak boleh hidup, kita mungkin tidak boleh mencapai kemajuan yang tinggi, tetapi kita boleh mencapai kemajuan yang tidak kurang bahkan lebih baik daripada keadaan sekarang," kata beliau.

-- BERNAMA

MR KY MA